

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH

4 DISEMBER 2019

.....

1. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Dengan ini dimaklumkan bahawa Puan Khairon Misa Binti Khalid, telah dilantik menjadi Jurutera berkuatkuasa 2 Disember 2019. Puan Khairon Misa telah ditempatkan di Jabatan Kejuruteraan dan beliau memegang kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Ucapan tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya.

2. PENGANJURAN BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2019

Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kerjasama di antara Think City Sdn.Bhd akan menganjurkan *Butterworth Fringe Festival 2019 (BFF)* untuk kali yang kelima. *Butterworth Fringe Festival 2019* akan

diadakan pada 7-8 Disember 2019 (Sabtu & Ahad) bermula 5.00 petang sehingga 11.00 malam di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth. Penganjuran BFF merupakan salah satu pengisian program selaras dengan pelaksanaan Pelan Butterworth Baharu yang mana meletakkan matlamat penganjuran untuk memangkin pembangunan *local economic development*.

Pelbagai acara tempatan dan antarabangsa bakal dipersembahkan selaras untuk menjadikan Bandar Butterworth sebagai hub acara budaya kreatif dan inovatif di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi Seberang Perai khususnya dan Negeri Pulau Pinang secara amnya. BFF juga menjanjikan kelainan bagi pengisian acara sepanjang festival berlangsung yang berteraskan asimilasi budaya serantau. Lebih 100 artis dan *talents* tempatan dan antarabangsa iaitu daripada 10 buah negara akan mengambil bahagian dalam BFF 2019.

3. PERTANDINGAN REKABENTUK MERCU TANDA PINTU MASUK “SELAMAT DATANG KE SEBERANG PERAI”

Dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Seberang Perai akan menganjurkan Pertandingan Mercuru Tanda Pintu Masuk Di Seberang Perai. Pertandingan bertemakan “***Seberang Perai***”

Aspirasi Bandar Masa Hadapan". Terdapat tiga (3) kawasan cadangan iaitu di **Jalan Bumbung Lima,SPU; Jalan Machang Bubuk, SPT**; dan **Jalan Permatang Keling, SPS**.

Penyertaan terhadap kepada 100 orang yang terawal, borang penyertaan dan syarat-syarat pertandingan boleh didapati di laman web MBSP iaitu www.mbsp.gov.my ataupun di Jabatan Landskap MBSP, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Majistret Munisipal Seberang Perai, Jalan Kampung Jawa, Butterworth. Setiap peserta akan mendapat Sijil Penyertaan.

Penyertaan ini berlangsung dari 4 Disember 2019 sehingga 31 Disember 2019. Antara hadiah-hadiah yang ditawarkan adalah;

- **Hadiah Pertama** : Wang Tunai RM1,000.00 dan Sijil Penghargaan
- **Hadiah Kedua** : Wang Tunai RM700.00 dan Sijil Penghargaan
- **Hadiah Ketiga** : Wang Tunai RM400.00 dan Sijil Penghargaan
- **Saguhati (Ke-4 hingga Ke-10)** : Wang Tunai RM100.00 dan Sijil Penghargaan

4. SAMBUTAN HARI NATAL

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Kristian. Hari Natal disambut pada 25 Disember 2018 (Rabu) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

SEKIAN, TERIMA KASIH